

# ASEAN setuju sidang mengenai keganasan

13M - 6 NOV 2001

**B**ANDAR SERI BEGAWAN 5 Nov. — Pendirian teguh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang menentang serangan Amerika Syarikat (AS) terhadap Afghanistan diterima oleh negara-negara lain dalam ASEAN apabila mereka bersetuju satu persidangan antarabangsa bagi mentakrif pngganas dan keganasan diadakan.

Menurut Perdana Menteri, pada peringkat awalnya persidangan itu akan dijalankan di kalangan negara-negara anggota sebelum ke peringkat antarabangsa.

Pada sidang media yang dipenuhi oleh wartawan termasuk dari Barat di sini hari ini beliau telah memperjelaskan sebanyak tiga kali kepada para pemimpin ASEAN mengenai rasional mengapa perkara itu perlu dilaksanakan, dan ia diterima.

"Kami menegaskan pertama, keperluan mengenal pasti siapa penganas dan keganasan kerana mereka yang menjadi penganas dulu kini dianggap sebagai orang yang dihormati, kecuali kita takrif siapa penganas dan siapa bukan, kita akan mengambil (menyerang dan membunuh) orang yang salah.

"Definisi kami bukan siapa orang itu, Islam atau Kristian tapi jika dia melakukan keganasan atau jika dia merampas pesawat dia akan dianggap sbagai penganas dan tidak diberi perlindungan politik, itu dite-rima," katanya selepas berakhirnya Sidang Kemuncak ASEAN dan mesyuarat dua hala ASEAN dengan tiga rakannya China, Jepun dan Korea Selatan (ASEAN+3) petang ini.

Esok para pemimpin ASEAN akan mengadakan mesyuarat ASEAN + 1 iaitu mesyuarat berasingan antara badan serantau itu dengan setiap tiga negara Asia Timur berkenaan.

Dr. Mahathir sekali lagi menjadi

tumpuan dunia apabila secara serius menyuarakan bantahannya terhadap serangan sebelah pihak AS dan sekutunya ke atas Afghanistan dan sebaliknya mengilhamkan supaya antarabangsa mencari punca kepada keganasan itu melalui forum persidangan.

Mengulas lanjut Dr. Mahathir berkata, Malaysia juga menerangkan mengenai ketidakberkesanan menyerang negara Afghanistan dalam usaha menghancurkan sarang penganas.

"Ia akan mengakibatkan ramai orang awam menjadi mangsa dan ramai orang Islam marah dan tidak membantu menangani keganasan kerana bukan semua penganas berada di Afghanistan dan jika semua (penganas) berada di situ juga bukan mudah membunuh atau mengesan mereka dengan hanya melancarkan roket atau mezbom.

"Jadi ia tidak berkesan dan kami mencadangkan cara yang berkesan ialah mencari punca dari akar umbinya mengenai keganasan dan melenyapkan puncanya supaya orang tidak berminat menyertainya lagi," kata beliau.

Menurut Dr. Mahathir pendirian negara itu telah dinyatakan secara jelas dan beliau percaya ia akan dimasukkan ke dalam kenyataan akhir sidang kemuncak ini esok.

Semalam ASEAN telah mengisytiharkan Deklarasi Tindakan Bersama Memcraangi Keganasan 2001 dengan menolok sebarang percubaan mengaitkan keganasan dengan agama atau bangsa. ASEAN juga akan mengambil langkah komprehensif memerangi amalan tersebut.

Jelas Perdana Menteri lagi, pada peringkat awal, ASEAN akan meng-anjurkan persidangan ini dan kemudian ke peringkat antarabangsa dan

di peringkat nasional, Malaysia akan mengadakan seminar mengenai perkara tersebut.

Ditanya lagi mengapa ASEAN tidak membuat keputusan supaya AS menghentikan serangan ke atas Afghanistan, beliau berkata ada beberapa negara lain tidak menekankan mengenainya. Difahamkan Singapura dan Filipina tidak bersetuju supaya perkara itu dibincangkan.

Menjawab soalan seorang wartawan Barat apakah dengan pendirian ASEAN ini bermakna seluruh dunia akan turut serta mengutuk serangan itu, Dr. Mahathir berkata, semua orang seluruh dunia tidak gembira dengan serangan ini.

"Ramai orang awam terbunuh terutamanya kanak-kanak di Afghanistan. Dan setakat ini tiada bukti tentera Taliban terbunuh dan tiada bukti jelas anggota Al-Qaeda juga terbunuh atau tertangkap," jelas beliau.

Tegas Perdana Menteri lagi, serangan ke atas negara itu bukan sahaja membunuh orang awam tetapi tidak memberi kesan dalam menangani keganasan.

Ini kerana, katanya bukan semua penganas berada di negara itu. "Mereka (penganas) nampaknya menyembunyikan diri mungkin mereka berada di Eropah atau AS sendiri dan orang yang terbunuh ialah orang awam.

"Jadi dalam kes mereka yang menyerang Pusat Dagangan Dunia (WTC) dengan kapal terbang, mereka telah tinggal di AS kira-kira setahun dan serangan ke atas Afghanistan pun pernah dilakukan sebelum kejadian 11 September itu lagi, tetapi tidak membawa sebarang hasil sama sekali kerana mereka (penganas) tiada di situ," katanya. — Utusan